

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BAGI PEKERJA SAMBILAN HARIAN

JAWATAN:

PENOLONG JURUTERA, JA29

**AGENSI ANGKASA NEGARA
BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan di Agensi Angkasa Negara bagi jawatan seperti berikut :-

1. BUTIRAN JAWATAN

1.1 PENOLONG JURUTERA, JA29

- a) Jabatan : Agensi Angkasa Negara
Banting, Selangor
- b) Kump. Perkhidmatan : Sokongan
- c) Klasifikasi : Pekerja Sambilan Harian (PSH)
- d) Ketua Perkhidmatan : Agensi Angkasa Negara
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- e) Kadar Upah/Gaji : RM 72.00 sehari
- f) Taraf Jawatan : **Sementara** (tempoh kontrak: 3 bulan).
sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.

SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Berkemahiran menggunakan komputer;
- iv. Diploma dalam bidang **KEJURUTERAAN MEKANIKAL**, yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- v. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. CARA MEMOHON

- a) Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan jawatan yang boleh didapati di laman sesawang ANGKASA <http://www.angkasa.gov.my> atau boleh didapati di pondok pengawal Agensi Angkasa Negara.
- b) Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis dengan jelas dan terang dengan **HURUF BESAR**.
- c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, salinan surat beranak, salinan sijil-sijil keputusan peperiksaan dan salinan sijil tamat persekolahan yang **DISAHKAN**.
- d) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

**Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Agensi Angkasa Negara
Lot 2233, Jalan Turi
Kampung Sungai Lang
42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.
(u/p: En. Muhammad Zahir Shah bin Md Isa)**

- e) Tarikh tutup permohonan ialah pada **15hb Ogos 2017 (Selasa)**.
- f) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak teratur akan **DITOLAK**.
- g) **Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.**
- h) Pemohon – pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.



Agensi Angkasa Negara
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
& Ogos 2017

